


KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM) / CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TAJUK SEBUT HARGA : CADANGAN MENYIAPKAN PROJEK SAKIT BAGI NAIKTARAF TRANSIT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GIATMARA SIBUTI, SARAWAK.
NO SEBUT HARGA : GM122/RMK12/124/2024

TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK DAN PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKHTUTUP SEBUTHARGA
<p>TARIKH TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA: 25 APRIL 2024</p> <p>MASA : 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI SAHAJA</p> <p>TEMPAT TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA : GIATMARA SIBUTI NO.205, JALAN BEKENU ASLI, BEKENU BAZAAR, 98150 BEKENU, SIBUTI, SARAWAK.</p>	<p>1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:</p>  <p>*kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2.</p> <p>2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED : G1 KATEGORI : B PENGGHUSUSAN : 28 (KERJA-KERJA UBAHSUAI) (KONTRAKTOR DI DALAM DAERAH SAHAJA)</p> <p>3. UPKJ KELAS F (KEPALA II – Sub Kepala 5a)</p> <p>4. SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)</p> <p>5. SIJIL TARAF BUMIPUTERA DARI PUSTA KHIDMAT KONTRAKTOR / BPKU (KEBENARAN KHAS ADALAH DIBENARKAN)</p>	<p>RM 50.00 (SECARA TUNAI)</p>	<p>TARIKH: 13 MEI 2024</p> <p>MASA: 12.00 T/HARI</p>

- Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
 - Sijil Pendaftaran Kontraktor **SSM**.
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh **CIDB/UPKJ**.
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB/UPKJ**.
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari **BPKU/UPKJ**.
 - Surat Perakuan Kebenaran Khas oleh **CIDB** (Jika Kategori & Pengkhususan memerlukan Kebenaran Khas)

Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa mengambil dokumen. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA tidak layak.

- Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

3. **KONTRAKTOR YANG BERMINAT DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI ATAS. WAKIL SYARIKAT ADALAH TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN MEMBELI DOKUMEN. HANYA PEMILIK SYARIKAT/PENAMA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN PENGAMBILAN DOKUMEN DENGAN MENGEMUKAKAN KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT UNTUK PENGESAHAN. TAWARAN DIANGGAP SEBAGAI TIDAK SAH JIKA PENGESAHAN LAWATAN TAPAK DAN TAKLIMAT SEBUTHARGA TIDAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI PENGUSAHA YANG DILANTIK OLEH GIATMARA SEMASA MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA.**

- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
- GIATMARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GIATMARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri bahagian atas sampul surat** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

PENGARAH,
GIATMARA NEGERI SARAWAK
NO. 15C, TINGKAT 2, KOMPLEK MARA, SATOK PARADE,
JALAN SATOK, 93400 KUCHING, SARAWAK.

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga 13 MEI 2024 jam 12.00 tengahari

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>